

DATE 4/10/2009



DR. Mahathir Mohamad (tiga kanan) dan Dr. Siti Hasmah Mohd Ali (empat kanan) masing-masing menunjukkan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan dan Pengurusan Teknologi dan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Komuniti pada Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Ke-5 di Dewan Besar UTeM, Durian Tunggal semalam.

Kuasai teknologi bangunkan negara

Oleh NORIZAN ABDUL MUHID
pengarang@utusan.com.my

ALOR GAJAH 3 Okt. – Rakyat negara ini digesa menguasai bidang teknologi baru bagi membangunkan negara agar setanding dengan negara maju lain di Asia Tenggara.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, paling utama yang perlu ditekankan adalah usaha mencipta teknologi baru supaya lebih praktikal dan sesuai bagi kegunaan masyarakat tempatan.

Menurutnya, usaha menghasilkan teknologi baru itu perlu dilaksanakan secara berterusan sekali gus mengelakkan pergantungan barangan import.

“Kita perlu cekap dalam teknologi kerana ia menjamin negara mencapai kemajuan yang diinginkan dan mempunyai sikap tertentu dalam mengaplikasi kegunaan teknologi agar ia lebih menyeluruh,” katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap pada majlis Konvokesyen Kelima Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di kampus induk

Durian Tunggal di sini hari ini.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan dan Pengurusan Teknologi (anugerah tertinggi UTeM), manakala isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali pula menerima Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Komuniti.

Majlis anugerah tersebut disempurnakan oleh Canselor UTeM, Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob.

Turut hadir Naib Canselor UTeM, Profesor Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Seramai 1,591 siswazah menerima ijazah dan diploma iaitu tiga orang Doktor Falsafah (PhD), 22 penerima sarjana, 1,335 penerima ijazah sarjana muda dan 230 menerima diploma pada konvokesyen yang berlangsung selama dua hari itu.

Selain itu, menurut Dr. Mahathir, usaha menguasai teknologi akan membantu negara mengurangkan jurang teknologi dengan negara maju sekali gus menghentikan pergantungan negara terhadap ciptaan teknologi negara luar.

Katanya, pencapaian rakyat negara ini dalam menghasilkan ciptaan teknologi masih sedikit yang mana sebahagian besarnya juga tidak mampu dikomersialkan.

“Jika mahu dibandingkan pencapaian teknologi atau ciptaan baru yang pernah dihasilkan oleh rakyat kita buat masa ini, ia masih jauh ketinggalan dengan pencapaian rakyat Jepun atau Taiwan.

“Saya fikir perlu ada jaringan kerjasama dengan pihak swasta untuk membantu dalam menghasilkan ciptaan teknologi baru memandangkan pada masa ini, pihak itu hanya berminat dalam bidang tertentu yang dianggap memberi keuntungan segera,” katanya.

Beliau menambah, sudah tiba masanya, rakyat negara ini menghasilkan ciptaan teknologi baru yang bersesuaian dengan keperluan penduduk.

Tambah beliau, ia adalah kerana rakyat terpaksa bergantung kepada barangan import yang kebanyakannya tidak sesuai dengan kegunaan dan iklim negara.

um - 4/10/2009